

Program Bina Kerjaya 2.0

OSH Coordinator

Sila hubungi untuk bantuan lanjut :

012 – 210 1462




Pengenalan

Apakah itu Program Bina Kerjaya 2.0?

Program program inisiatif lanjutan daripada Kerajaan di bawah Belanjawan 2024 bertujuan memastikan pekerja sektor tidak formal :

- Mempunyai akses kepada program pembangunan kerjaya & latihan kemahiran microcredential.
- Meningkatkan potensi individu untuk memperoleh pekerjaan formal melalui microcredential atau pensijilan profesional
- Memperoleh kompetensi yang diiktiraf IPTA / IPTS / JPK / MQA / badan ikhtisas / pusat bertauliah yang diiktiraf oleh badan peneraju industri seperti ACCA , BOE, MIA.





Pengenalan

Siapakah MySHEQA?

My SHEQA Group Sdn Bhd merupakan salah satu penyedia latihan yang dilantik oleh PERKESO di bawah program Latihan Bina Kerjaya (kod kelulusan TPAK1142000135) untuk menjalankan program OSH Coordinator Training (CA5081000257). MySHEQA berpengalaman sebagai pakar dalam bidang Keselamatan, Kesihatan, Alam Sekitar dan Jaminan Kualiti dengan pengalaman industri melebihi 10 tahun. Kami membantu pelanggan mencapai matlamat organisasi mereka serta matlamat peribadi melalui perkhidmatan pendidikan dan pemantauan kami.





Maklumat Program

Apakah OSH Coordinator?



OSH Coordinator atau Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dikenali sebagai "**Trained Person**" yang diperakui oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Peranan dan tanggungjawab seperti berikut :

- Untuk membantu majikan dalam perkara OSH;
- Maklumkan pada majikan akan hazard;
- Penilaian kendiri di tempat kerja (Penilaian Risiko); dan
- Melaporkan pada JKKP sebarang kemalangan berkaitan pekerjaan, kejadian berbahaya, penyakit pekerjaan dan keracunan pekerjaan



Untuk maklumat lanjut berkenaan keterangan kursus **OSH Coordinator**, sila rujuk lampiran **Risalah kursus OSH Coordinator**.



Maklumat Program

KENAPA anda perlu sertai program ini?

- Tiada bayaran dikenakan kepada mereka yang layak
- Sijil Kompetensi selepas tamat latihan
- Nama pelatih akan disenaraikan dalam pangkalan data JKPP
- Berpeluang menambah nilai kebolehpasaran pekerjaan
- Peluang bekerjaya sebagai OSH Coordinator (Untuk lepasan SPM/SPMV)
- Makan dan minum disediakan 3 kali sehari sepanjang tempoh latihan

SIAPAKAH Golongan Sasaran Program Ini?

Orang Bekerja Sendiri Yang Menggajikan Pekerja



- Golongan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mempunyai 5 orang pekerja dan ke atas di sesebuah premis
- Selaras dengan inisiatif Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mewajibkan seorang Penyelaras KKP dilantik di setiap premis PKS
- Selaku pemilik perniagaan yang menjaga kebajikan pekerja dan keselamatan premis



Maklumat Program



BAGAIMANA latihan OSH ini memberi manfaat kepada usahawan?

- Memenuhi keperluan perundangan dalam pindaan akta yang ditetapkan oleh JKKP
- Memelihara kesihatan dan keselamatan pekerja
- Memastikan situasi dapat ditangani dengan efisien sekiranya berlaku kemalangan di premis pekerjaan
- Mengembangkan portfolio kemahiran yang sedia ada

SIAPAKAH Golongan Sasaran Program Ini?

Orang Bekerja Sendiri Yang Ingin Transisi Kepada Pekerjaan Formal

- Disasarkan kepada golongan yang tidak mempunyai majikan dan ingin membina kerjaya yang lebih stabil
- Insentif Kerajaan berbentuk Program Latihan Peningkatan Kemahiran (Upskilling)
- Mengembangkan lagi portfolio kemahiran mereka yang sedia ada dan membuka peluang kepada lebih banyak cabang bidang pekerjaan.





Maklumat Program

BAGAIMANA latihan OSH ini memberi manfaat kepada transisi kerjaya anda?

- Program ini akan menjadi salah satu kompetensi tambahan kepada kemahiran / pensijilan sedia ada
- Nilai tambah kebolehpasaran dalam semua bidang pekerjaan
- Meningkatkan kebolehpasaran di dalam industri
- Mengembangkan lagi portfolio kemahiran yang sedia ada
- Membuka peluang kepada lebih banyak cabang bidang pekerjaan



PROGRAM
BINA KERJAYA



Maklumat Program

Apakah KELEBIHAN menjadi seorang OSH Coordinator?

- Peluang pekerjaan meningkat untuk memenuhi keperluan perundangan Akta/JKKP Pindaan 2022
- Syarat kelayakan yang minima, iaitu SPM sahaja
- Semua sektor industri Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) wajib melantik seorang OSH Coordinator
- Kekurangan OSH Coordinator di Malaysia pada masa kini
- Tangga gaji permulaan yang menawan dan taraf hidup boleh dipertingkatkan
- Kerjaya dalam bidang OSH boleh dipertingkatkan pada masa akan datang

PENALTI

Denda RM 50,000

Atau


Penjara Sehingga 6 Bulan

Atau

Kedua-Duanya Sekali



PROGRAM
BINA KERJAYA



Maklumat Program

Apakah yang anda boleh capai dalam masa 10 tahun?



Train and Place:

- Setelah peserta selesai menjalani latihan bersama Penyedia Latihan yang diluluskan, Penyedia Latihan hendaklah membuat penempatan pekerjaan bagi peserta tersebut ke sektor formal.
- Penyedia Latihan hendaklah memastikan penempatan dapat dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir peserta selesai menjalani latihan.
- Pembuktian dokumen lapor diri yang disahkan oleh majikan berserta pendaftaran di Portal ASSIST dan tempoh kontrak penggajian kepada peserta mestilah sekurang-kurangnya 12 bulan ke atas.

Place and Train:

- Peserta telah ditempatkan dalam pekerjaan sektor formal sebelum menerima latihan yang bersesuaian dengan tugas yang dijawat.
- Semasa individu memohon untuk menjalani latihan di bawah Program ini, individu tersebut hendaklah membuktikan apa-apa dokumen yang wajar seperti dokumen lapor diri di majikan atau surat terimaan jawatan atau seumpama dengannya dan hendaklah memenuhi syarat kelayakan.
- Individu tersebut hendaklah melapor diri di majikan pada atau selepas 1 Januari 2024.



Program Bina Kerjaya 2.0

Syarat Kelayakan:

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 16 tahun sehingga 50 tahun pada tarikh permohonan dibuat.
- Tahap pendidikan Diploma dan ke bawah.
- Mencarum di bawah Akta Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) **atau** dapat membuktikan melakukan pekerjaan sendiri melalui apa-apa platform yang berkaitan.
- Tidak mempunyai caruman PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) untuk tempoh 6 bulan daripada tarikh permohonan
- Individu yang sedang bekerja dengan majikan hendaklah **TIDAK** mempunyai caruman PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) untuk tempoh 6 bulan sebelum daripada tarikh lapor diri.



**PROGRAM
BINA KERJAYA**

FAQ



FAQ

Apa yang peserta akan pelajari dalam kursus ini?



12 modul asas Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang lengkap seperti:

- Asas Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Perusahaan Kecil Sederhana,
- Pengurusan Bahan Kimia,
- Pengenalan Penyakit Pekerjaan dan lain-lain.



Modul latihan OSH Coordinator selama 3 hari yang diluluskan oleh JKPP



Bengkel Sistem Pengurusan Kesihatan & Keselamatan Peserta selama 2 hari





FAQ

Berapa hari *OSH Coordinator Training* ini dijalankan?



OSH Coordinator Training dijalankan selama lima (5) hari berturut-turut, dari pukul 8.30 a.m. ke pukul 5.30 p.m.

FAQ

Bilakah saya boleh membuat permohonan latihan di bawah program Bina Kerjaya Madani ini?



Permohonan program Bina Kerjaya Madani - *OSH Coordinator Training* boleh dibuat mulai 10 Januari 2024.





FAQ

Apakah tanggungjawab peserta yang ingin menghadiri *OSH Coordinator Training*?

-  Kegagalan peserta untuk melampirkan dokumen sokongan sebab tidak menghadiri latihan dengan alasan yang tidak munasabah akan mengakibatkan penangguhan bayaran kepada penyedia latihan.
-  Individu yang memohon hendaklah mengemukakan nombor telefon individu serta pasangan/waris/ keluarga yang boleh dihubungi. Sekiranya nombor yang dikemukakan tidak dapat dihubungi, MySHEQA berhak untuk menolak permohonan latihan tersebut.
-  Peserta perlu menghadirkan diri seperti dinyatakan di dalam kelulusan surat kelulusan (Approval Letter). Sekiranya memerlukan penangguhan tarikh, peserta boleh berurusan dengan penyedia latihan bagi menukar tarikh latihan yang baru.
-  Peserta perlu memaklumkan kepada pihak penyedia latihan sekiranya tidak dapat hadir menjalani latihan atau kursus dengan alasan atau sebab yang kukuh.



FAQ

Adakah makanan dan minuman disediakan semasa saya menghadiri latihan tersebut?



Ya. MySHEQA akan sediakan makanan dan minuman sebanyak tiga kali sehari selama 5 hari latihan ini dijalankan.

FAQ

Adakah saya perlu membawa apa-apa peralatan ataupun dokumen ketika menghadiri *OSH Coordinator* training?



Tidak perlu. Hanya bawa diri anda dan kemahuhan untuk mempelajari sesuatu yang baru.





FAQ

Siapakah yang akan kendalikan latihan *OSH Coordinator* training?



Jurulatih yang akan menjalankan latihan ini adalah individu yang mempunyai lebih dari 10 tahun di dalam sektor KKP dan berlesen dengan JKKP dan HRDCorp.

FAQ

Adakah MySHEQA akan menyediakan penginapan untuk peserta?




Tidak. MySHEQA tidak akan menyediakan penginapan untuk peserta semasa latihan.





FAQ

Adakah saya perlu membuat sebarang pembayaran kepada Penyedia Latihan bagi tujuan permohonan latihan?



Tidak. Peserta tidak perlu membuat apa-apa pembayaran kepada Penyedia Latihan.



Terima
Kasih